



**KEMENTERIAN DIGITAL  
JABATAN DIGITAL NEGARA**

# **MANUAL PENGGUNA**



**GPKI AGENT 3.0**

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini dibenarkan dicetak semula, diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada **JABATAN DIGITAL NEGARA (JDN)**.

Edisi ini diterbitkan dan diedarkan pada bulan Jun, 2024

Senarai Edaran:

- Kakitangan JABATAN DIGITAL NEGARA (JDN) yang diberi kuasa

Mana-mana pihak yang tidak disenaraikan di atas tidak dibenarkan untuk memeriksa kandungan dokumen ini. Perbuatan sedemikian akan di tafsir sebagai pelanggaran keselamatan dan tindakan yang sewajarnya akan diambil terhadap pesalah.

## ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN.....	2
SENARAI AKRONIM.....	4
1.0 PENGENALAN.....	7
2.0 MUAT TURUN GPKI AGENT 3.0.....	8
3.0 PEMASANGAN GPKI AGENT 3.0.....	10
4.0 GPKI AGENT 3.0.....	16
4.1 PENGURUSAN SOFTCERT / ROAMINGCERT.....	16
4.1.1 Pengaktifan Sijil Digital.....	16
4.1.2 Reset PIN.....	21
4.1.3 Tukar PIN.....	25
4.1.4 Papar / Padam Sijil Digital.....	28
4.1.5 Pengujian Fungsi SoftCert / RoamingCert.....	31
4.2 PENGURUSAN TOKEN.....	34
4.2.1 Pengaktifan Token.....	34
4.2.2 Reset PIN.....	37
4.1.3 Tukar PIN.....	40
4.1.4 Papar Sijil Digital Token dalam GPKI AGENT 3.0.....	41
4.1.5 Pengujian Fungsi Token.....	43
4.3 PENGURUSAN PENGGUNA.....	45
4.3.1 Kemas kini Profil Pengguna.....	45
4.3.2 Tukar Soalan dan Imej Rahsia.....	48
4.4 UTILITI.....	52
4.4.1 Pengujian Medium.....	52
4.4.2 Meja Bantuan.....	57



4.4.3	Tetapan .....	59
4.4.4	Versi Agen .....	60
4.4.5	Update Agen .....	61

## SENARAI AKRONIM

Akronim	Definisi
Admin	<b>Administrator (Admin)</b> ialah pegawai di agensi peneraju yang bertanggungjawab mengurus pengoperasian Sistem MyGPKI serta melantik dan mengurus <i>Sub-Admin</i> Pelaksana (SAP).
AP	<b>Authorized Personnel (AP)</b> ialah pegawai di agensi sektor awam yang dilantik bagi mengurus sijil digital dan pengguna perkhidmatan MyGPKI di agensi masing-masing.
CA	<b>Certification Authority (CA)</b> ialah organisasi yang diberi lesen dan diiktiraf oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) bagi pengeluaran Sijil Digital berdasarkan Akta Tandatangan Digital 1997, Peraturan-Peraturan Tandatangan Digital 1998 dan undang-undang berkaitan yang sedang berkuat kuasa.
CRL	<b>Certificate Revocation List (CRL)</b> ialah senarai yang mengandungi nombor siri Sijil Digital Pengguna yang dibatalkan;
CSR	<b>Certificate Signing Request (CSR)</b> ialah format yang mengandungi kunci awam yang dihantar kepada pihak CA untuk memohon sijil digital.
DTS	<b>Digital Timestamping (DTS)</b> ialah masa yang direkodkan secara digital.
ECC	<b>Elliptical Curve Cryptography (ECC)</b> adalah pendekatan kriptografi kunci awam berdasarkan struktur algebra lengkung elips ke atas bidang yang berbilang.
GPKI	<b>Government Public Key Infrastructure</b> (Prasarana Kunci Awam Kerajaan)
GPKI Agent	<b>GPKI Agent</b> ialah perisian yang dipasang pada komputer pengguna GPKI bagi melaksanakan fungsi PKI bertujuan untuk pengesahan identiti (identity)

Akronim	Definisi
IMEI	<b>Internasional Mobile Equipment Identity</b>
KIV	<b>Keep In View (KIV)</b>
myIDENTITY	<b>myIDENTITY</b> ialah Sistem Maklumat Peribadi
PDSA	<b>Pusat Data Sektor Awam</b> ialah perkhidmatan yang menyediakan pusat data dan Pusat Pemulihan Bencana (DRC) bagi pengoperasian perkhidmatan ICT secara berpusat .
Pengguna MyGPKI	<b>Pengguna MyGPKI</b> ialah pegawai dari sektor awam yang diberi kebenaran untuk menggunakan Sijil Digital Pengguna bagi membuat pengesahan identiti dan tandatangan digital terhadap data dan maklumat sistem ICT kerajaan;
Pentadbir MyGPKI	<b>Pentadbir MyGPKI</b> ialah pentadbir bagi Sistem MyGPKI yang terdiri daripada <i>Admin, Sub-Admin Pelaksana (SAP), Sub-Admin (SA)</i> dan <i>Authorized Personnel (AP)</i> .
PIN	<b>Personal Identification Number (PIN)</b> ialah kod rahsia yang digunakan untuk mengesahkan identiti pengguna
RoamingCert	<b>Roaming Digital Certificate (RoamingCert)</b> ialah fail yang mengandungi Sijil Digital Pengguna, kunci peribadi (private key) bagi pengesahan identiti, penyulitan data dan tandatangan digital. Sijil digital ini disimpan dalam pelayan di agensi peneraju
SA	<b>Sub-Admin (SA)</b> ialah pegawai di agensi sektor awam yang berperanan melantik AP, serta mengurus Sijil Digital Pengguna di agensi masing-masing.
SAP	<b>Sub-Admin Pelaksana (SAP)</b> ialah pegawai di agensi pelaksana yang berperanan melantik SA dan AP serta mengurus Sijil Digital Pengguna di agensi masing-masing.
Sijil Digital Pelayan	<b>Sijil Digital Pelayan</b> ialah sijil yang dikeluarkan oleh CA untuk mengesahkan identiti pelayan sistem ICT kerajaan supaya maklumat transaksi dihantar dengan selamat.

Akronim	Definisi
Sijil Digital Pelayan Multi Domain	<b>Sijil Digital Pelayan Multi Domain</b> merupakan Sijil Digital Pelayan yang mengandungi sekurang-kurangnya dua domain
Sijil Digital Pelayan Single Domain	<b>Sijil Digital Pelayan Single Domain</b> merupakan Sijil Digital Pelayan yang didaftarkan hanya ke atas satu domain
Sijil Digital Pelayan Wildcard	<b>Sijil Digital Pelayan Wildcard</b> ialah Sijil Digital Pelayan yang mengandungi pelbagai sub-domain di bawah satu domain yang sama dan menggunakan simbol * (Wildcard) dalam satu sijil
Sijil Digital Pengguna	<b>Sijil Digital Pengguna</b> ialah sijil yang dikeluarkan kepada individu oleh CA yang mengandungi maklumat berkenaan dengan identiti pengguna dan kunci awam (public key) pengguna tersebut.
Sistem ICT Kerajaan	<b>Sistem ICT kerajaan</b> ialah sistem dan aplikasi ICT (Information and Communication Technology) yang dibangun dan digunakan oleh agensi sektor awam bagi menyokong perkhidmatan kerajaan
SoftCert	<b>Software Digital Certificate (SoftCert)</b> ialah fail yang mengandungi Sijil Digital Pengguna, kunci peribadi (private key) bagi pengesahan identiti, penyulitan data dan tandatangan digital. Sijil digital ini dimuat turun dan disimpan ke dalam komputer pengguna.
SO PIN	<b>Security Officer PIN</b>
SSL	<b>Secure Socket Layer (SSL)</b> ialah protokol rangkaian yang menguruskan pensahihan pelayan dan pengguna serta penyulitan komunikasi antara pelayan dan pengguna
Token	<b>Token</b> ialah peranti atau perkakasan yang mengandungi cip kriptografi untuk menyimpan kunci peribadi (private key) dan Sijil Digital Pengguna bagi melaksanakan pengesahan identiti, penyulitan data dan tandatangan digital.
QA	<b>Quality Assurance</b>

## 1.0 PENGENALAN

GPKI Agent merupakan agen yang digunakan untuk menghubungkan Sistem MyGPKI 3.0 dengan Sijil Digital Pengguna.

Manual pengguna ini akan menerangkan mengenai langkah-langkah menggunakan GPKI Agent 3.0.

Fungsi-fungsi yang terdapat di dalam GPKI Agent 3.0 adalah seperti berikut:

- a) Pengurusan SoftCert / RoamingCert
  - i. Pengaktifan Sijil Digital;
  - ii. Reset PIN;
  - iii. Tukar PIN;
  - iv. Papar / Padam SoftCert; dan
  - v. Pengujian SoftCert/RoamingCert.
- b) Pengurusan Token;
  - i. Pengaktifan Token;
  - ii. Reset PIN;
  - iii. Tukar PIN;
  - iv. Papar Sijil Digital; dan
  - v. Pengujian Token.
- c) Pengurusan Pengguna
  - i. Kemas kini Profil; dan
  - ii. Tukar Soalan Imej dan Rahsia.
- d) Utiliti.
  - i. Pengujian Medium – Pengujian SoftCert – Pengujian RoamingCert – Pengujian Token
  - ii. Meja Bantuan – Aduan – FAQ
  - iii. Tetapan
  - iv. Versi Agen
  - v. Update Agen



## 2.0 MUAT TURUN GPKI AGENT 3.0

GPKI Agent 3.0 boleh dimuat turun melalui Portal MyGPKI melalui URL [https://mygпки.gov.my/gпки\\_portal/](https://mygпки.gov.my/gпки_portal/). Portal MyGPKI akan memaparkan skrin Laman Utama seperti berikut.




The screenshot shows the MyGPKI portal homepage. At the top, there is a navigation bar with the following items: UTAMA, MAKLUMAT AM, PERKHIDMATAN, MUAT TURUN, SOALAN LAZIM, MEJA BANTUAN, and eLEARNING. The main content area features a large banner for 'PENJAGAAN SIJIL DIGITAL TOKEN' (Digital Token Record Maintenance). The banner includes an illustration of a person sitting on a pink cube with a laptop, a shield icon, and a digital token device. Text in the banner explains that tokens are used for storing private keys and digital records for authentication and digital signing. Below this, there are four 'TIPS PENJAGAAN TOKEN' (Token Maintenance Tips):

- Menjaga kerahsiaan 8 digit PIN token (Maintaining the confidentiality of the 8-digit PIN token)
- Jangan paparkan atau dedahkan nombor PIN di tempat terbuka (Do not display or disclose the PIN number in public places)
- Jangan berkongsi token atau menyerahkan token untuk digunakan oleh pihak lain (Do not share the token or hand it over for use by others)
- Token hendaklah disimpan di tempat yang selamat bagi mengelakkan kehilangan, kerosakan atau salahguna oleh pihak lain (Tokens should be stored in a safe place to avoid loss, damage, or misuse by others)

Below the banner, there is a 'PERKHIDMATAN MyGPKI' (MyGPKI Services) section with five icons representing different services: PENGURUSAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA (Digital User Record Management), PENGURUSAN SIJIL DIGITAL PELAYAN (Digital Service Record Management), PENGURUSAN SIJIL DIGITAL LATIHAN / UJIAN (Digital Training / Exam Record Management), MEJA BANTUAN DAN KHIDMAT SOKONGAN TEKNIKAL (Technical Support and Assistance Desk), and KHIDMAT NASIHAT DAN KONSULTASI (Advice and Consultation Services).

Ikuti langkah-langkah berikut untuk memuat turun *installer* GPKI Agent 3.0 Release 2.0. seperti berikut:

1. Klik menu **MUAT TURUN** pada *menu bar* di bahagian atas portal dan klik [Muat Turun Agen] seperti berikut:



2. Tab **GPKI AGENT 3.0** akan dipaparkan. Pilih dan klik ikon muat turun [**GPKI AGENT 3.0**] pada kolum **Media**.



MUAT TURUN / Muat Turun agen

### Muat Turun Ajen

MAMPU GPKI AGENT

#	Tajuk	Media
1	GPKI AGENT 3.0 (Release 2.0.1)	

3. *Installer* GPKI AGENT 3.0 akan dimuat turun ke dalam komputer pengguna.
4. *Installer* GPKI AGENT 3.0 akan disimpan di *default folder* pada komputer anda iaitu **(..\MyDocuments\Downloads\)**



This PC > Downloads

Name	Date modified	Type	Size
gпки-agent-3.0-Release 2.0.1.exe.exe	6/6/2024 2:34 PM	Application	73,813 KB

### 3.0 PEMASANGAN GPKI AGENT 3.0

**Nota:**


1. Sekiranya anda adalah pengguna JDN GPKI Agent 2.0 atau pengguna Scan Agent, sila pastikan kedua-dua aplikasi ini ditutup terlebih dahulu sebelum memulakan proses instalasi.
2. Pemasangan GPKI AGENT 3.0 tidak memerlukan pengguna untuk *uninstall* Agent GPKI 2. terlebih terdahulu kerana agent tersebut akan di *uninstall* secara automatik.

Ikuti langkah-langkah berikut untuk memasang GPKI Agent 3.0 ke komputer pengguna:

1. Setelah berjaya memuat turun GPKI Agent 3.0, fail ***gпки\_agent\_3.0.exe*** akan berada di folder (***..\MyDocuments\Downloads\***).




2. Klik pada fail [***gпки\_agent\_3.0.exe***]. Sekiranya skrin ***User Account Control*** dipaparkan, klik butang [***Yes***].



3. Bagi pengguna Windows 10 atau pengguna yang menerima paparan skrin *Windows protected your PC* seperti berikut:




4. Klik pada pautan **More Info** dan sistem akan paparkan skrin seperti berikut:




5. Klik butang **Run anyway** dan *installer* GPKI AGENT 3.0 akan dipaparkan.


6. Skrin penentuan destinasi untuk pemasangan GPKI AGENT 3.0 akan dipaparkan. Anda dinasihatkan tidak mengubah lokasi *folder* yang dicadangkan. Klik butang **[Next]**.




7. Sekiranya *windows pop-up Folder Exists* dipaparkan, klik butang **[Yes]**.





8. Skrin pemilihan *shortcut* untuk pemasangan GPKI Agent 3.0 akan dipaparkan. Sila tandakan pada pilihan [**Create a desktop shortcut**] dan klik butang [**Next >**].




9. Skrin [**Ready to Install**] akan dipaparkan. Sahkan lokasi dan klik butang [**Install**] bagi melengkapkan proses pemasangan.




10. Sistem akan memaparkan mesej pemberitahuan untuk *uninstall* agent terdahulu yang terdapat di dalam komputer pengguna. Klik butang [OK].




11. Tunggu sehingga proses instalasi selesai.



12. Skrin instalasi yang telah siap akan dipaparkan. Klik butang **[Finish]**.



13. Setelah berjaya, skrin **GPKI AGENT 3.0** dipaparkan.





## 4.0 GPKI AGENT 3.0

### 4.1 PENGURUSAN SOFTCERT / ROAMINGCERT

#### 4.1.1 Pengaktifan Sijil Digital


Fungsi ini membenarkan pengguna untuk membuat pengaktifan sijil digital yang telah dijana oleh CA. Pengguna perlu memastikan telah menerima e-mel notifikasi Penjanaaan Sijil Digital yang dihantar oleh sistem.

Langkah-langkah:

1. Klik pada [shortcut icon] **GPKI AGENT 3.0** di skrin Desktop pengguna atau




[Start > All Program > GPKI AGENT 3.0 > GPKI AGENT 3.0] untuk mengaktifkan servis **GPKI AGENT 3.0**.




- Klik pada menu [Pengurusan SoftCert / RoamingCert] dan klik sub menu [Pengaktifan Sijil Digital].




- Sistem akan memaparkan skrin Pengaktifan Sijil Digital seperti berikut:




- Masukkan **No. MyKad** dan klik butang [Hantar]. Sistem akan memaparkan skrin seperti berikut:




5. Pilih Soalan Rahsia dan masukkan Jawapan.
6. Masukkan PIN Sijil Digital dan klik butang [Hantar].



7. Sistem akan paparkan mesej seperti berikut:



8. Klik butang [OK]. Sistem akan memaparkan Halaman Utama seperti berikut:





9. Untuk semakan Sijil Digital, klik pada menu [Pengurusan SoftCert / RoamingCert] dan klik menu [Papar / Padam SoftCert].




10. Sistem akan memaparkan skrin seperti berikut:



11. Klik pada ikon  di dalam kolom Tindakan dan sistem akan memaparkan skrin seperti berikut:




12. Klik butang [OK] untuk menutup skrin.


13. Sekiranya pengguna ingin menghapuskan Sijil Digital (SoftCert/RoamingCert) yang terdapat di dalam GPKI AGENT 3.0, klik pada ikon .



14. Sistem akan paparkan mesej pengesahan seperti berikut:



15. Klik butang [Batal] untuk membatalkan transaksi dan sistem akan kembali ke skrin terdahulu.
16. Klik butang [Ya] untuk menghapuskan Sijil Digital.
17. Sistem akan memaparkan mesej seperti berikut:



18. Klik butang [OK], sistem akan memaparkan paparan Senarai Sijil Digital seperti berikut:



#### 4.1.2 Reset PIN

Fungsi ini membenarkan pengguna untuk membuat penetapan semula PIN Sijil Digital sekiranya pengguna terlupa PIN Sijil Digital sedia ada.

Langkah-langkah:

1. Klik pada [shortcut icon] **GPKI AGENT 3.0** di skrin Desktop pengguna



atau [Start > All Program > GPKI AGENT 3.0 > GPKI AGENT 3.0] untuk mengaktifkan servis **GPKI AGENT 3.0**.




2. Klik pada menu [Pengurusan SoftCert / RoamingCert] dan klik sub menu [Reset PIN].




3. Sistem akan memaparkan skrin Reset PIN seperti berikut:



4. Masukkan **No. MyKad** dan klik butang [Hantar]. Sistem akan memaparkan skrin seperti berikut:




5. Pilih **Soalan Rahsia 1** dan masukkan **Jawapan 1**.
6. Pilih **Soalan Rahsia 2** dan masukkan **Jawapan 2**.
7. Klik butang [Reset PIN] untuk menetapkan semula PIN.
8. Sistem akan paparkan mesej seperti berikut:





9. Klik butang [OK], sistem akan menghantar e-mel Notifikasi Reset PIN seperti berikut:

**Nota:**

1. Pengguna perlu membuat pengaktifan Sijil Digital semula setelah Reset PIN Sijil Digital berjaya.
2. Pengguna disarankan untuk menukar PIN Sijil Digital sementara yang diterima melalui Notifikasi Reset PIN.
3. Pengguna perlu menghapuskan Maklumat Sijil Digital yang sedia ada dalam **Aplikasi GPKI Mobile** dan melakukan Login Pengguna semula dengan memilih soalan rahsia, menjawab soalan rahsia dan masukkan **PIN semasa yang dihantar melalui e-mel Notifikasi Reset PIN** atau;
4. Menghapuskan akaun pengguna yang sedia ada dalam **Aplikasi GPKI Mobile** dan membuat pendaftaran semula pada Aplikasi GPKI Mobile dengan menggunakan **PIN semasa yang dihantar melalui e-mel Notifikasi Reset PIN** selepas berjaya melakukan Reset PIN. (Sila rujuk Manual Pengguna - Aplikasi Mudah Alih - GPKI Mobile untuk menghapuskan Maklumat Sijil Digital, Akaun pengguna GPKI Mobile dan Pendaftaran Akaun pengguna GPKI Mobile dalam Aplikasi GPKI Mobile).

### 4.1.3 Tukar PIN

Fungsi ini membenarkan pengguna untuk membuat penukaran PIN Sijil Digital sekiranya pengguna telah melaksanakan fungsi Reset PIN atau ingin menukar PIN Sijil Digital atas sebab faktor keselamatan. Pengguna perlu memastikan Sijil Digital Pengguna telah diaktifkan di dalam GPKI AGENT 3.0 sebelum membuat penukaran PIN.

Langkah-langkah:

1. Klik pada [shortcut icon] **GPKI AGENT 3.0** di skrin Desktop pengguna atau



[Start > All Program > GPKI AGENT 3.0 > GPKI AGENT 3.0] untuk mengaktifkan servis **GPKI AGENT 3.0**.


2. Sistem akan memaparkan halaman Utama **GPKI AGENT 3.0** seperti berikut:




3. Klik pada menu [Pengurusan SoftCert / RoamingCert] dan klik sub menu [Tukar PIN].




4. Sistem akan memaparkan skrin Tukar PIN seperti berikut:



5. Masukkan **No. MyKad** dan klik butang [Hantar]. Sistem akan memaparkan skrin seperti berikut:



6. Masukkan **PIN Sijil Digital** (PIN Sijil Digital sekarang).
7. Masukkan **PIN Sijil Digital Baharu**.
8. Masukkan **Pengesahan PIN Sijil Digital Baharu**.
9. Klik butang [Tukar PIN] dan sistem akan paparkan mesej seperti berikut:



10. Klik butang [OK], sistem akan memaparkan skrin Utama.

**Nota:**

1. Pengguna perlu menghapuskan Maklumat Sijil Digital yang sedia ada dalam **Aplikasi GPKI Mobile** dan melakukan Login Pengguna semula dengan memilih soalan rahsia, menjawab soalan rahsia dan masukkan **PIN Baharu yang ditukar** atau;
2. Menghapuskan akaun pengguna yang sedia ada dalam **Aplikasi GPKI Mobile** dan membuat pendaftaran semula pada Aplikasi GPKI Mobile dengan menggunakan **PIN Baharu yang ditukar** selepas berjaya melakukan Tukar PIN. (Sila rujuk Manual Pengguna - Aplikasi Mudah Alih – GPKI Mobile untuk menghapuskan Maklumat Sijil Digital, Akaun pengguna GPKI Mobile dan Pendaftaran Akaun pengguna GPKI Mobile dalam Aplikasi GPKI Mobile).

#### 4.1.4 Papar / Padam Sijil Digital

Fungsi ini adalah membenarkan pengguna untuk melihat paparan dan menghapuskan Sijil Digital di dalam GPKI AGENT 3.0.

Langkah-langkah:



1. Klik pada [shortcut icon] **GPKI AGENT 3.0** di skrin Desktop pengguna atau





[Start > All Program > GPKI AGENT 3.0 > GPKI AGENT 3.0] untuk mengaktifkan servis **GPKI AGENT 3.0**.




- Klik pada menu [Pengurusan SoftCert / RoamingCert] dan klik sub menu [Papar / Padam Sijil Digital].



- Klik pada ikon  di dalam kolom Tindakan dan sistem akan memaparkan skrin seperti berikut:




4. Klik butang [OK] untuk menutup skrin dan kembali ke skrin terdahulu.
5. Sekiranya pengguna ingin menghapuskan Sijil Digital (SoftCert/RoamingCert) yang terdapat di dalam GPKI AGENT 3.0, klik pada ikon .




Senarai Sijil Digital

No. Siri	Maklumat	Tarikh Mula	Tarikh Akhir	Jenis Medium	Tindakan	
					Papar	Padam
920202115456	Issuer=MAMPU Class 2 Test CA (ECC) SURNAME=920202115456 Name: HAZWAN BIN DOL 920202115456	08/04/2020	09/04/2022	softcert		

6. Sistem akan paparkan mesej pengesahan seperti berikut:



7. Klik butang [Batal] untuk membatalkan transaksi dan sistem akan kembali ke skrin terdahulu.
8. Klik butang [Ya] untuk menghapuskan Sijil Digital.
9. Sistem akan memaparkan mesej seperti berikut:



10. Klik butang [OK], sistem akan memaparkan skrin Senarai Sijil Digital.



#### 4.1.5 Pengujian Fungsi SoftCert / RoamingCert

Fungsi ini adalah bertujuan memastikan SoftCert / RoamingCert yang dikeluarkan boleh berfungsi dengan baik. Fungsi yang akan diuji adalah *Signing*, *Verfying*, *Encrypt* dan *Decrypt*. Pengguna perlu memastikan SoftCert / RoamingCert telah diaktifkan di dalam GPKI AGENT 3.0.

Langkah-langkah:

1. Klik pada [shortcut icon] **GPKI AGENT 3.0** di skrin Desktop pengguna




atau [**Start > All Program > GPKI AGENT 3.0 > GPKI AGENT 3.0**] untuk mengaktifkan servis **GPKI AGENT 3.0**.





2. Klik pada menu [Pengurusan SoftCert / RoamingCert] dan klik sub menu [Pengujian SoftCert/roamingCert].



3. Sistem akan memaparkan skrin Reset PIN seperti berikut:



4. Masukkan **No. MyKad**, **PIN** dan kemas kini **Data** jika perlu.  
5. Klik butang [Uji]. Sistem akan memaparkan skrin seperti berikut:



Pengujian tandatangan dan verifikasi...  
Penyemakan jika agen aktif: Berjaya

Pengujian bermula....  
ID: 920202115456  
Data: Uji Data  
Keputusan tandatangan: Berjaya  
Jenis kunci digital: EC  
Keputusan verifikasi: Berjaya

Pengujian encrypt dan decrypt...  
Penyemakan jika agen aktif: Berjaya

Pengujian bermula....  
ID: 920202115456  
Data: Uji Data  
Keputusan encrypt: Berjaya  
Keputusan decrypt: Berjaya

-Pengujian Tamat-

6. Sekiranya semua status pengujian yang dipaparkan adalah berjaya, SoftCert / RoamingCert yang diuji boleh digunakan. Sekiranya terdapat status ralat, pengguna perlu laporkan pada Pasukan Meja Bantuan MyGPKI.

## 4.2 PENGURUSAN TOKEN

### 4.2.1 Pengaktifan Token

Fungsi ini membenarkan pengguna untuk membuat pengaktifan token. Bagi pengguna yang membuat permohonan baharu dan penggantian, pengaktifan boleh dibuat setelah pengguna menerima token. Pengguna yang membuat permohonan pembaharuan boleh membuat pengaktifan token setelah menerima e-mel Notifikasi Penjanaaan Sijil Digital.

Langkah-langkah:

1. Klik pada [shortcut icon] **GPKI AGENT 3.0** di skrin Desktop pengguna atau



[Start > All Program > GPKI AGENT 3.0 > GPKI AGENT 3.0] untuk mengaktifkan servis **GPKI AGENT 3.0**.




Langkah-langkah:

1. Klik pada menu **[Pengurusan Token]** dan klik pada sub menu **[Pengaktifan Token]**.




2. Skrin Pengaktifan Token akan dipaparkan. Masukkan **No. MyKad** dan klik butang **[Hantar]**.



The screenshot shows the 'Pengaktifan Token' screen. It has a title 'Pengaktifan Token' and a label 'No. Siri Token:'. Below that is a text input field for 'No. MyKad' containing the value '800101295332'. There are two buttons: 'Batal' and 'Hantar'.


3. Sistem akan memaparkan skrin Pengaktifan Token seperti berikut:



The screenshot shows the 'Pengaktifan Token' screen with the following fields: 'No. Siri Token: 9C16442520090314', 'No. MyKad: 800101295332', 'Soalan Rahsia: Tarikh lahir ibu anda (contoh: 01011950)', 'Jawapan: [masked]', and 'PIN Token: [masked]'. There are 'Batal' and 'Hantar' buttons at the bottom.

4. Pilih **Soalan Rahsia**, masukkan **Jawapan** dan **PIN Token**.

5. Klik [Hantar] untuk mengaktifkan token, sistem akan paparkan mesej seperti berikut:



2. Klik butang [OK]. Sistem akan memaparkan halaman Utama seperti berikut:




## 4.2.2 Reset PIN

Fungsi ini membenarkan pengguna untuk menetapkan semula PIN Token sekiranya token disekat.

Langkah-langkah:

1. Pastikan token telah dimasukkan ke *USB Port*.
2. Pastikan GPKI AGENT 3.0 telah diaktifkan. Skrin GPKI AGENT 3.0 akan dipaparkan seperti berikut:




3. Klik pada menu [Pengurusan Token] dan klik pada sub menu [Reset PIN].
4. Skrin Permohonan Reset PIN akan dipaparkan seperti berikut:

The screenshot shows the 'Reset PIN' form. The form has a title 'Reset PIN' in blue. Below the title, there is a label 'No. Siri Token:' followed by a horizontal line. Below that, there is a label 'No. MyKad:' followed by a text input field containing the value '200812055090'. At the bottom of the form, there are two buttons: 'Hantar' and 'Batal'.

5. Masukkan **No. MyKad** dan klik butang [Hantar].

6. Skrin seterusnya akan dipaparkan seperti berikut:



7. GPKI AGENT 3.0 akan memaparkan No. Siri Token.
8. Klik butang [Jana SO PIN]. Sistem akan memaparkan popup skrin "Permohonan SO PIN".
9. Pilih **Soalan Rahsia** dan masukkan **Jawapan**.
10. Klik butang [Hantar] untuk mendapatkan SO PIN.



11. SO PIN akan dipaparkan secara automatik pada ruangan **PIN Unblock (SO PIN)** seperti berikut:



**Reset PIN**

No. Siri Token: 289519F9807F801E


No. MyKad: 870202045783

PIN Unblock (SO PIN): ●●●●●●●

PIN Token Baharu:

Pengesahan PIN Token Baharu:

12. Masukkan **PIN Token Baharu** dan **Pengesahan PIN Token Baharu**.
13. Klik butang [Reset PIN] dan sistem akan memaparkan mesej “Transaksi Berjaya” seperti berikut:



**Reset PIN**

No. Siri Token: 289519F9807F801E

No. MyKad: 870202045783

PIN Unblock (SO PIN): ●●●●●●●

PIN Token Baharu: ●●●●●●●

Pengesahan PIN Token Baharu: ●●●●●●●

Mesej  
Transaksi berjaya.

**Nota:**

Pengguna diingatkan supaya tidak membuat Reset PIN sekiranya tiada keperluan. Ini kerana setiap token hanya diberikan 10 kali percubaan sahaja. Sekiranya 10 percubaan telah digunakan, SO PIN token akan disekat dan token tidak boleh digunakan lagi. Pengguna perlu membuat permohonan pembatalan Sijil Digital dan membuat Permohonan Penggantian Sijil Digital.




### 4.1.3 Tukar PIN


Fungsi ini membenarkan pengguna untuk menukar PIN Sijil Digital Token.

Langkah-langkah:

1. Pastikan token telah dimasukkan ke *USB Port*.
2. Pastikan GPKI AGENT 3.0 telah diaktifkan. Skrin GPKI AGENT 3.0 akan dipaparkan seperti berikut:



3. Klik pada menu [Pengurusan Token] dan klik pada sub menu [Tukar PIN].



4. Agen GPKI akan memaparkan skrin Tukar PIN seperti berikut:



5. Masukkan **PIN Token** (PIN Semasa), **PIN Baharu** dan **Pengesahan PIN Baharu**.
6. Klik butang [Tukar PIN] untuk menukar PIN Token.
7. Skrin mesej “Transaksi berjaya” akan dipaparkan seperti berikut:



8. Klik butang [OK] untuk menutup skrin mesej.
9. Pengguna boleh menggunakan token dengan memasukkan PIN baharu.

#### 4.1.4 Papar Sijil Digital Token dalam GPKI AGENT 3.0

Langkah-langkah:


1. Pastikan GPKI AGENT 3.0 masih aktif dan klik pada menu [Pengurusan Token] kemudian klik pada sub menu [Papar Sijil Digital].




2. Skrin Maklumat Sijil Digital akan dipaparkan seperti berikut:



No. Siri	Maklumat	Tarikh Mula	Tarikh Akhir	Jenis Medium	Tindakan
800101295332	Issuer=Malaysia Premier CA G2 SURNAME=800101295332 Name: MAISARAH BINTI OSMAN	09/06/2020	09/07/2022	token	 Paparan

3. Klik pada ikon  di bahagian kolum [Tindakan] untuk melihat maklumat lengkap sijil digital.
4. Agen GPKI akan memaparkan skrin *Certificate* seperti berikut:




#### 4.1.5 Pengujian Fungsi Token


Fungsi ini adalah bertujuan untuk memastikan Sijil Digital Token berfungsi dengan baik dan tidak mempunyai masalah untuk membuat fungsi *Signing*, *Verifying*, *Encrypt* dan *Decrypt*.

Langkah-langkah:

1. Pastikan token telah dimasukkan ke *USB Port*.
2. Klik pada menu [Pengurusan Token] dan klik pada sub menu [Pengujian Token].




4. Sistem akan memaparkan skrin Pengujian Token seperti berikut:




The screenshot shows the 'Pengujian Token' form. It includes input fields for 'No. MyKad:', 'PIN:', and 'Data:'. There is a 'Uji Data' button next to the 'Data:' field. At the bottom, there are 'Batal' and 'Uji' buttons.

5. Masukkan **No. MyKad**, **PIN** dan **Data** untuk pengujian.



6. Klik butang [Uji] untuk menguji fungsi Sijil Digital Token.
7. Agen akan memaparkan keputusan pengujian seperti berikut:



8. Sekiranya semua status pengujian yang dipaparkan adalah berjaya, Sijil Digital Token yang diuji sedia untuk digunakan. Sekiranya terdapat status ralat, pengguna perlu laporkan pada Meja Bantuan MyGPKI.

## 4.3 PENGURUSAN PENGGUNA

### 4.3.1 Kemas kini Profil Pengguna

Fungsi ini membenarkan pengguna untuk mengemas kini profil pengguna menggunakan GPKI AGENT 3.0.

Langkah-langkah:

1. Klik pada [shortcut icon] **GPKI AGENT 3.0** di skrin Desktop pengguna atau



[Start > All Program > GPKI AGENT 3.0 > GPKI AGENT 3.0] untuk mengaktifkan servis **GPKI AGENT 3.0**.



2. Klik pada menu [Pengurusan Pengguna] dan klik sub menu [Kemas kini Profil].



3. Agen GPKI akan memaparkan skrin Kemas kini Profil Pengguna seperti berikut:



4. Masukkan **No. MyKad** dan klik butang [Hantar]. Agen GPKI akan paparkan skrin seperti berikut:



5. Pilih **Soalan Rahsia 1** dan masukkan **Jawapan 1**.
6. Pilih **Soalan Rahsia 2** dan masukkan **Jawapan 2**.
7. Klik butang [Hantar]. Agen GPKI akan paparkan maklumat terperinci pengguna untuk kemas kini profil seperti berikut:




The screenshot shows the 'Kemas kini Profil Pengguna' (Update User Profile) form in the MyGPKI system. The form contains the following fields and values:

No. MyKad:	820114096221		
Nama Penuh:	IDRIS AALI BIN HARUN		
Sistem ICT Kerajaan:	[iGFMAS, ePerolehan]		
Kementerian/Agensi:	JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA		
Alamat Agensi:	PEJABAT AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA ARAS 5, LOT 2G1A, KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN, P PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN		
Poskod:	62100	Negeri:	WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
E-mel:	idris.harun@dispostable.com	No. Faks:	0222222222
No. Tel. Pejabat:	0333333333	No. Tel. Bimbit:	01234567890

Buttons: [Batal] [Simpan]

8. Kemas kini maklumat pengguna dan klik butang [Simpan].
9. Agen GPKI akan paparkan mesej "Transaksi Berjaya" seperti berikut:



10. Klik butang [OK], agen GPKI akan memaparkan skrin Utama.





### 4.3.2 Tukar Soalan dan Imej Rahsia

Fungsi ini membenarkan pengguna untuk menukar Soalan Rahsia dan Imej Keselamatan menggunakan GPKI AGENT 3.0.

Langkah-langkah:



1. Klik pada [shortcut icon] GPKI AGENT 3.0 di skrin Desktop pengguna atau [Start > All Program > GPKI AGENT 3.0 > GPKI AGENT 3.0] untuk mengaktifkan servis GPKI AGENT 3.0.




- Klik pada menu [Pengurusan Pengguna] dan klik sub menu [Tukar Soalan dan Imej Rahsia].




- Agensi GPKI akan memaparkan skrin Tukar Soalan dan Imej Rahsia seperti berikut:



- Masukkan **No. MyKad** dan klik butang [Hantar]. Agensi GPKI akan paparkan skrin seperti berikut:



5. Pilih **Soalan Rahsia 1** dan **masukkan Jawapan 1** (Soalan dan Jawapan Rahsia 1 semasa).
6. Pilih **Soalan Rahsia 2** dan **masukkan Jawapan 2** (Soalan dan Jawapan Rahsia 1 semasa).
7. Klik butang [Hantar]. Agen GPKI akan paparkan skrin seperti berikut:




The screenshot shows a web interface for exchanging questions and security images. At the top, there is a navigation bar with links: Utama, Pengurusan SoftCert/RoamingCert, Pengurusan Token, Pengurusan Pengguna, and Utiliti. The main heading is 'Tukar Soalan dan Imej Rahsia'. Below this, there are several input fields and dropdown menus:

- No. MyKad: 820114096221
- Soalan Rahsia 1: Pilih Soalan (dropdown menu)
- Jawapan 1: (text input field)
- Soalan Rahsia 2: Pilih Soalan (dropdown menu)
- Jawapan 2: (text input field)
- Imej Keselamatan : Piih Imej (dropdown menu)

At the bottom of the form, there are two buttons: 'Batal' and 'Simpan'.

8. Pilih **Soalan Rahsia 1** dan **masukkan Jawapan 1** untuk menukar Soalan dan Jawapan Rahsia 1.
9. Pilih **Soalan Rahsia 2** dan **masukkan Jawapan 2** untuk menukar Soalan dan Jawapan Rahsia 2.

10. Pilih Imej Keselamatan untuk menukar Imej Keselamatan.



The screenshot shows a web interface for changing security questions and images. The title is "Tukar Soalan dan Imej Rahsia". The form includes the following fields:

- No. MyKad: 820114096221
- Soalan Rahsia 1: Tarikh lahir ibu anda (contoh: 01011950)
- Jawapan 1: [Redacted]
- Soalan Rahsia 2: No plat kereta pertama ayah anda (contoh: 2050)
- Jawapan 2: [Redacted]
- Imej Keselamatan: [Red Rose Image]

Buttons: Batal, Simpan

11. Klik butang [Simpan]. Agen GPKI akan paparkan mesej "Transaksi Berjaya" seperti berikut:



12. Klik butang [OK], agen GPKI akan memaparkan skrin Utama.



## 4.4 UTILITI

Fungsi ini membenarkan pengguna untuk menguji fungsi Sijil Digital, menyediakan pautan terus ke MyGPKI Desk, menukar tetapan Agen GPKI untuk mod Latihan, memaparkan versi agen dan fungsi update agen terkini.


### 4.4.1 Pengujian Medium

Fungsi ini adalah bertujuan untuk menguji Sijil Digital Pengguna setelah pengaktifan Berjaya dilaksanakan. Fungsi ini memastikan Sijil Digital Pengguna tidak mempunyai masalah untuk membuat fungsi *Signing*, *Verifying*, *Encrypt* dan *Decrypt*.

#### a) Pengujian Medium - Token

Langkah-langkah:


1. Pastikan token telah dimasukkan ke *USB Port*.
2. Klik pada menu [Utiliti] > [Pengujian Medium] dan klik pada sub menu [Pengujian Token].



3. Sistem akan memaparkan skrin Pengujian Token seperti berikut:




4. Masukkan **No. MyKad**, **PIN** dan **Data** untuk pengujian.



5. Klik butang [Uji] untuk menguji fungsi Sijil Digital Token.

6. Agen akan memaparkan keputusan pengujian seperti berikut:



Utama Pengurusan SoftCert/RoamingCert Pengurusan Token Pengurusan Pengguna Utiliti

### Pengujian Token

No. MyKad:

PIN:

Data:

Pengujian tandatangan dan verifikasi...  
Penyemakan jika agen aktif: Berjaya

Pengujian bermula....  
ID: 820114096221  
Data: Uji Data  
Keputusan tandatangan: Berjaya  
Jenis kunci digital: RSA  
Keputusan verifikasi: Berjaya

Pengujian encrypt dan decrypt...  
Penyemakan jika agen aktif: Berjaya

Pengujian bermula....  
ID: 820114096221  
Data: Uji Data  
Keputusan encrypt: Berjaya  
Keputusan decrypt: Berjaya

-Pengujian Tamat-

7. Sekiranya semua status pengujian yang dipaparkan adalah berjaya, Sijil Digital Token yang diuji sedia untuk digunakan. Sekiranya terdapat status ralat, pengguna perlu laporkan pada Meja Bantuan MyGPKI.

b) Pengujian Medium – SoftCert

Langkah-langkah:

1. Prasyarat: Pastikan SoftCert telah diaktifkan di bahagian Pengurusan SoftCert/RoamingCert > Pengaktifan Sijil Digital.
2. Klik pada menu [Utiliti] > [Pengujian Medium] dan klik pada sub menu [Pengujian SoftCert].



3. Masukkan **No. MyKad**, **PIN** dan **Data** untuk pengujian dan klik butang [Uji].




The screenshot shows the 'Penguji SoftCert' form with the following fields:

- No. MyKad:
- PIN:
- Data:

Buttons: Uji, Batal

4. Agen akan memaparkan keputusan pengujian seperti berikut:



The screenshot shows the 'Penguji SoftCert' form with the following fields:

- No. MyKad: 880515035090
- PIN:
- Data:

Buttons: Uji, Batal

Test Results:

- Pengujian tandatangan dan verifikasi....  
Penyemakan jika agen aktif: Berjaya
- Pengujian bermula....  
ID: 740711045090  
Data: Uji Data  
Keputusan tandatangan: Berjaya  
Jenis kunci digital: RSA  
Keputusan verifikasi: Berjaya
- Pengujian encrypt dan decrypt....  
Penyemakan jika agen aktif: Berjaya
- Pengujian bermula....  
ID: 740711045090



## c) Pengujian Medium - RoamingCert

Langkah-langkah:

1. Prasyarat: Pastikan RoamingCert telah diaktifkan di bahagian Pengurusan SoftCert/RoamingCert > Pengaktifan Sijil Digital.
2. Klik pada menu [Utiliti] > [Pengujian Medium] dan klik pada sub menu [Pengujian RoamingCert].



5. Agen GPKI akan memaparkan skrin seperti berikut:



The screenshot shows the 'Pengujian RoamingCert' form. It contains the following fields and buttons:

- No. MyKad:
- PIN:
- Data:
- Batal button
- Uji button


6. Masukkan **No. MyKad**, **PIN** dan **Data** untuk pengujian dan klik butang [Uji].



The screenshot shows the 'Pengujian RoamingCert' form with the following input values:

- No. MyKad: 920902015154
- PIN: ●●●●●●
- Data: Uji Data
- Batal button
- Uji button

7. Agen akan memaparkan keputusan pengujian seperti berikut:



Utama Pengurusan SoftCert/RoamingCert Pengurusan Token Pengurusan Pengguna Utiliti

### Pengujian RoamingCert

No. MyKad:

PIN:

Data:

Pengujian tandatangan dan verifikasi...  
Penyemakan jika agen aktif: Berjaya

Pengujian bermula.....  
ID: 920902015154  
Data: Uji Data  
Keputusan tandatangan: Berjaya  
Jenis kunci digital: EC  
Keputusan verifikasi: Berjaya

Pengujian encrypt dan decrypt...  
Penyemakan jika agen aktif: Berjaya

Pengujian bermula.....  
ID: 920902015154

#### 4.4.2 Meja Bantuan

Fungsi ini menyediakan pautan terus ke GPKI Desk untuk pengguna melihat Soalan Lazim (FAQ) dan membuat aduan di Portal MyGPKI Desk.

Langkah-langkah:

1. Klik pada menu [Utiliti] > [Meja Bantuan] dan klik pada sub menu [Aduan].




2. Agen GPKI akan terus ke halaman Portal MyGPKI Desk seperti berikut:



3. Pengguna boleh membuat aduan di Portal MyGPKI Desk.
4. Pergi ke GPKI AGENT 3.0 semula, klik pada menu [Utiliti] > [Meja Bantuan] dan klik pada sub menu [FAQ].



5. Agen GPKI akan terus ke halaman Soalan Lazim bagi Portal MyGPKI Desk seperti berikut:



6. Pengguna boleh membuat rujukan di bahagian Soalan Lazim ini sekiranya terdapat masalah atau kemusykilan berkaitan Sistem MyGPKI.

### 4.4.3 Tetap


Fungsi ini adalah bertujuan untuk membuat tetapan agen kepada mod latihan. Fungsi ini digunakan oleh agensi pelaksana sekiranya terdapat ujian atau Latihan di agensi tersebut.

Langkah-langkah:


1. Klik pada menu [Utiliti] dan klik pada sub menu [Tetapan].



2. Agen GPKI akan memaparkan skrin seperti berikut:



3. Tandakan pada kotak checkbox **Mod Latihan** dan klik butang [OK].
4. Agen GPKI akan memaparkan mesej seperti berikut:



5. Klik butang [OK] untuk menutup skrin mesej Tetap.

6. Mod Latihan telah Berjaya ditetapkan. Pengguna perlu menggunakan Sijil Digital Latihan / Ujian untuk membuat pengujian atau Latihan.

#### 4.4.4 Versi Agen


Fungsi ini adalah untuk memaparkan versi agen yang semasa.

Langkah-langkah:

1. Klik pada menu [Utiliti] dan klik pada sub menu [Versi Agen].



2. Agen GPKI akan memaparkan skrin seperti berikut:



3. Klik butang [OK] untuk Kembali ke halaman Utama.

#### 4.4.5 Update Agen


Fungsi ini adalah untuk pengguna menaik taraf GPKI AGENT 3.0 kepada fungsi yang terkini sekiranya terdapat *update* yang terbaru.

Langkah-langkah:

1. Klik pada menu [Utiliti] dan klik pada sub menu [Update Agen].




2. Sekiranya pengguna menggunakan GPKI AGENT 3.0 yang terkini, agen GPKI akan memaparkan skrin seperti berikut:



3. Klik butang [OK] untuk Kembali ke halaman Utama.

4. Sekiranya terdapat naik taraf GPKI AGENT 3.0, agen GPKI akan memaparkan skrin seperti berikut:



5. Klik butang [Ya] untuk muat turun versi agen GPKI terkini. Agen GPKI akan memuat turun GPKI AGENT 3.0 yang terkini dan terus memasang Agen GPKI ke dalam komputer pengguna.